



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN
Aras G - 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA.

Tel. : 03-2610 3300
Faks : 03-2610 3499
Portal Rasmi : www.ptgwp.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PTG/WP.DFTR.600-3/1/1 Jld16 (44)

Tarikh : 8 Julai 2026

BADAN PEGUAM MALAYSIA

No. 13, 15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

JAWATANKUASA PEGUAM KUALA LUMPUR

4th Floor
Wisma Hangsam
No. 1, Jalan Hang Lekir
50000 Kuala Lumpur

JAWATANKUASA PEGUAM SELANGOR

No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN URUSAN PERSERAHAN YANG MODUL MASIH TIDAK
DISEDIAKAN DI KIOS SERAHAN TERRA BOX**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) telah melaksanakan **penggunaan Terra Box bagi urusan perserahan dan kutipan berkuatkuasa sepenuhnya mulai 1 Julai 2026** dengan modul yang disediakan setakat ini seperti di **Jadual 1** di bawah.

NO.	JENIS URUSAN
1.	Pindahmilik Tanah
2.	Gadaian Menjamin Wang Pokok
3.	Melepaskan Gadaian
4.	Kaveat Persendirian Atas Tanah
5.	Kaveat Persendirian Atas Syer
6.	Tarik Balik Kaveat Persendirian
7.	Permohonan Pemotongan Kaveat Persendirian
8.	Kaveat Pemegang Lien Atas Tanah
9.	Menarik Balik Kaveat Pemegang Lien
10.	Tenansi Sebahagian Tanah
11.	Pelepasan Tenansi
12.	Pembatalan Tenansi
13.	Tukar Nama
14.	Perletakhakan Oleh Mahkamah

Jadual 1 – Urusan – urusan yang diterima melalui Kios Serahan *Terra Box* setakat 1 Julai 2026

URUSAN BERANGKAI YANG DISEDIAKAN DAN TIDAK DISEDIAKAN DI MODUL TERRA BOX

3. Manakala, bagi **urusan – urusan berangkai yang melibatkan urusan dalam Jadual 1 bersama urusan tidak dinyatakan di Jadual 1 setakat ini**, sebagai contohnya Firma A ingin melaksanakan Urusan Melepaskan Gadaian dan dituruti oleh Urusan Turun Milik Akibat Kematian – *Grant of Probate*, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan **dikehendaki membuat perserahan melalui kaunter seperti biasa** sehingga modul yang selebihnya diperkenalkan di *Terra Box* dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ROZAINI BIN ROSLEY)

b.p. Pengarah
 Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
 Kuala Lumpur